

Headline **Jakim didik mak nyah**
Date **26 May 2011**
MediaTitle **Sinar Harian (Pahang)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **p5**
Article Size **321 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,766**
PRValue **5,298**



Jakim didik mak nyah

Bantu bina semangat jadi lebih positif dividu terbaik.

KUANTAN- "Kami juga mahu nampak cantik, tapi itu tidak bermakna kami tidak akan berubah sampai bila-bila. Cuma kami perlukan masa untuk muhasabah diri terlebih dahulu," kata seorang Mak Nyah yang mahu dikenali sebagai Didi Mitra, 34.

Menurut Didi, dia tidak minta untuk menjadi seperti itu, namun disebabkan nalurinya yang lebih kepada wanita, dia gemarkan semua yang cantik-cantik untuk kepuasan dirinya.

"Saya tidak nafikan air yang dicampurkan dengan minyak tidak akan sehati, begitu juga golongan mak nyah seperti kami ini yang tidak akan menjadi perempuan, tetapi kami semua boleh berubah, asalkan masyarakat memahami naluri kami dan tidak pandang serong dengan keterampilan kami.

"Lebih banyak kami dikritik, rasa seolah-olah dipinggirkan dan sebab itu kami selesa kehidupan sesama sendiri kerana hanya kami sahaja faham apa kemahuan dan naluri antara satu sama lain," katanya.

Selain itu, Didi juga berharap agar dia diterima oleh masyarakat dan mahu teruskan kehidupan dengan perniagaan butik yang diusahakan selama ini sebagai platform untuk dia buktikan kepada umum bahawa orang sepertinya akan berjaya juga.

Didi adalah salah seorang daripada 30 peserta Program Mukhyyam Bersama Golongan Mak Nyah yang diadakan di sebuah resort di sini anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Bagi rakan Didi yang mahu dikenali sebagai Lala, 49, pula berkata, usia telah mematangkan dirinya untuk menjadi in-

dividu terbaik.
Menurutnya, bakti sebagai tukang jahit digunakan untuk membantu golongan yang memerlukan seperti ibu tunggal untuk teruskan hidup.

"Memang sebelum ini saya hanya mengikut perasaan semata-mata. Saya nak pakai yang cantik-cantik, nak ada teman lelaki dan ingin dikasihi sebagaimana 'wanita' yang lain, tetapi akhirnya saya sedar apa yang saya dapat itu bukan kekal selama-lamanya kerana kita tidak boleh menghalang hukum Allah," katanya yang berpengalaman sebagai tukang jahit sejak 20 tahun yang lalu.

Bagi Bai, 45 pula berkata, dia semakin malu terhadap diri sendiri jika terus berpakaian seperti wanita kerana dia juga harap ada ruang dan peluang untuk berubah menjadi lelaki sejati.

"Jiwa saya halus dan kadang kala saya bersikap lebih sensitif menyebabkan orang lain tidak faham perangai saya ini melainkan mak nyah sahaja," katanya.

Bagi Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti Jakim, Zakuan Sawai berkata, program yang diadakan itu bertujuan membantu golongan mak nyah membina semangat baru yang positif selain mampu mengawal penularan HIV.

"Program kedua yang diadakan ini adalah untuk memperbaiki kehidupan mak nyah ini dari terus terlibat dengan pekerjaan seks, masalah sosial dan menggalakkan mereka menambah pengetahuan agama.

"Saya harap masyarakat dapat kikis stigma negatif mereka terhadap golongan ini yang berjiwa lembut kerana ada peluang untuk mereka kembali ke pangkal jalan dengan memberi masa dan ilmu pengetahuan terlebih dahulu," katanya.

Headline **Jakim didik mak nyah**
Date **26 May 2011**
MediaTitle **Sinar Harian (Pahang)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **p5**
Article Size **321 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,766**
PRValue **5,298**



■ Golongan mak nyah yang hadir ke program Mukhayam ini khusyuk mendengar taklimat dan ceramah yang disampaikan.